



JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) COVID-19 DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

1. PENDAHULUAN

Solat Jumaat adalah fardhu ain ke atas setiap mukallaf iaitu orang yang telah dipertanggungjawabkan menurut Syara' di sisi mazhab Syafie' melainkan adanya keuzuran atau i'llah yang dibenarkan oleh Syara' untuk tidak melaksanakan kefardhuan tersebut.

2. TUJUAN

Garis panduan pelaksanaan solat Jumaat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19 ini disediakan adalah sebagai panduan masyarakat dalam negeri Perak untuk menunaikan ibadah tersebut di masjid dalam tempoh PKPP akibat penularan COVID-19.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Mewujudkan penyelarasan dengan memastikan pelaksanaan tugas mengikut ketetapan yang ditentukan oleh pihak berkuasa.
- 3.2 Mengatur masyarakat agar mematuhi arahan PKPP COVID-19 bagi menunaikan solat Jumaat.
- 3.3 Memastikan tiada jangkitan kluster atau penyebaran wabak di kalangan ahli Jemaah masjid.

4. PANDUAN SOLAT JUMAAT DALAM TEMPOH PKPP

Selaras dengan ketetapan kerajaan dalam pelaksanaan PKPP dan dengan meraikan nasihat keselamatan dan kesihatan yang diberikan oleh MKN dan KKM serta cadangan dan hasrat masyarakat untuk menunaikan solat Jumaat, berikut merupakan Garis Panduan Pelaksanaan Solat Jumaat Sepanjang Tempoh PKPP.

4.1 Bilangan Jemaah

Pelaksanaan solat Jumaat dengan kapasiti mengikut ruang utama dewan solat yang terdiri daripada **ahli jemaah yang merupakan warganegara Malaysia sahaja**. Jawatankuasa Kariah Masjid disarankan untuk memilih kaedah penggiliran mereka yang berkelayakan untuk menunaikan solat jumaat. Cadangan kaedah penggiliran ialah:-

4.1.1 membuat kad jemputan; atau

4.1.2 *Ist come Ist serve*; atau

- 4.1.3 membuat tempahan awal sebelum solat melalui *Whats'App, google form, telegram*; atau
- 4.1.4 membuat senarai nama dan dipaparkan di papan kenyataan; atau
- 4.1.5 menggunakan sistem kupon.

4.2 Tempat

- 4.2.1 Solat Jumaat dilaksanakan di ruang utama dewan solat Masjid Negeri, Masjid-masjid Daerah, Masjid-masjid Kariah dan Surau Diri Jumaat (SDJ).
- 4.2.2 Bagi masjid atau SDJ yang ruang utama dewan solat tidak dapat menampung bilangan jemaah 40 orang, jawatankuasa kariah bolehlah menentukan ruang solat yang lain, mengamalkan penjarakan sosial dan hendaklah mengekalkan bilangan jemaah seramai 40 orang tidak termasuk Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid.

5. KAEDAH PELAKSANAAN

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
JAWATANKUASA KARIAH			
1.	SEBELUM SOLAT	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="532 499 1110 709">i. Mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, sanitasi tangan serta rekod kehadiran Jemaah. <li data-bbox="532 758 1110 968">ii. Memastikan jemaah yang mempunyai suhu badan 37.5 darjah celcius ke atas tidak dibenarkan menunaikan solat di masjid. <li data-bbox="532 1016 1110 1142">iii. Memastikan semua jemaah yang hadir memakai penutup hidung dan mulut (<i>face mask</i>). <li data-bbox="532 1190 1110 1526">iv. Memastikan tiada jemaah yang berumur 70 tahun ke atas melaksanakan solat Jumaat kecuali beliau dalam keadaan sihat dan kanak-kanak berumur 15 tahun ke bawah tidak dibenarkan untuk hadir berjemaah. <li data-bbox="532 1575 1110 1898">v. Memastikan jemaah bebas dari simptom COVID-19 seperti demam, batuk, selesema, alahan dan sebagainya serta tidak menghidap penyakit berisiko seperti kencing manis, sakit jantung, darah tinggi dan lain-lain. 	PENGURUSAN MASJID DAN SURAU DIRI JUMAAT

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
1.	SEBELUM SOLAT	<ul style="list-style-type: none"> vi. Menyemak kad pengenalan jemaah dan memastikan jemaah yang dipilih menulis nama dan no telefon pada buku rekod yang disediakan bagi tujuan perekodan sebelum masuk ke ruang solat. vii. Saf solat Jumaat disusun berdasarkan jarak penjarakan sosial iaitu sekurang-nya satu (1) meter yang telah dibuat penandaan terlebih dahulu. x. Ditandakan tanda pandu arah masuk dan keluar. xi. Memberi taklimat tentang tatacara solat Jumaat / fardhu sepanjang tempoh PKPP sebelum solat dilaksanakan. xii. Hanya ruang solat sahaja dibuka, manakala ruangan lain hendaklah ditutup. v. Hanya satu pintu masuk dan beberapa pintu keluar dibenarkan dibuka mengikut kesesuaian dengan kawalan pengawal keselamatan / Jawatankuasa Kariah / RELA bagi mengawal laluan. 	PENGURUSAN MASJID DAN SURAU DIRI JUMAAT

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
1.	SEBELUM SOLAT	<p>xiii. Pintu pagar masjid dibuka 1 jam sebelum masuk waktu solat Jumaat dan ditutup selepas doa azan kedua.</p> <p>xiv. Memastikan penggunaan tandas dihadkan mengikut keperluan.</p> <p>xv. Mengumumkan bahawa solat qabliah dan ba'diyyah tidak dibenarkan.</p> <p>xvi. Tidak membenarkan yang masih dalam tempoh PUI dan PUS COVID-19 untuk solat jumaat.</p> <p>xvii Melantik di kalangan Jawatankuasa Kariah / Pegawai Masjid sebagai petugas bagi memastikan semua arahan dipatuhi.</p> <p>xviii Memastikan aliran pengudaraan di dalam ruang solat dengan membuka semua jendela dan menggunakan kipas angin.</p>	PENGURUSAN MASJID DAN SURAU DIRI JUMAAT

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
1.	SEBELUM SOLAT	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="518 327 1114 485">i. Hanya warganegara Malaysia yang berumur 15 hingga 70 tahun yang sihat dibenarkan hadir. <li data-bbox="518 537 1114 747">ii. Jemaah digalakkan menggunakan aplikasi <i>MySejahtera</i> yang boleh dimuat turun melalui <i>Play Store</i> atau <i>App Sstore</i>. <li data-bbox="518 800 1114 957">iii. Diwajibkan membawa kad pengenalan untuk diperiksa oleh pengurusan masjid sebelum memasuki ruang solat. <li data-bbox="518 1010 1114 1293">iv. Bebas dari simptom COVID-19 seperti demam, batuk, selesema, alahan dan sebagainya serta tidak menghidap penyakit berisiko seperti kencing manis, sakit jantung, darah tinggi dan lain-lain. <li data-bbox="518 1346 1114 1430">v. Mengambil wuduk dari rumah sebelum hadir ke masjid. <li data-bbox="518 1482 1114 1566">vi. Membawa sejadah sendiri dari rumah. <li data-bbox="518 1619 1114 1776">vii. Jemaah yang bertongkat, berkerusi roda dan mempunyai masalah pergerakan tidak digalakkan hadir. 	JEMAAH

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
1.	SEBELUM SOLAT	<ul style="list-style-type: none"> viii Hendaklah hadir dalam tempoh 1 jam sebelum azan dilaungkan kerana pintu pagar dan pintu masjid akan dikunci selepas doa azan kedua. ix Tiada amalan bersalaman dan berpelukan sebelum atau selepas solat. x. Dibenarkan solat tahiyatul masjid sahaja. xi. Tidak melaksanakan solat sunat qabliyah dan ba'diyyah. xii. Jemaah yang ingin membaca al-quran, hendaklah membawa mushaf sendiri atau membacanya dari gajet sendiri. xiii Kekal dalam penjarakan semasa pergerakan masuk dan keluar saf. xiv. Hendaklah terus keluar dari perkarangan masjid setelah selesai solat mengikut pintu keluar yang ditetapkan. xv. Tiada sebarang perkumpulan dibenarkan sebelum dan selesai solat. 	JEMAAH

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
2.	SELEPAS SOLAT	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="521 323 1110 405">i. Memastikan jemaah bersurai dalam keadaan tenang. <li data-bbox="521 453 1110 573">ii. Memastikan jemaah tidak berpusu-pusu di pintu masjid ketika keluar. <li data-bbox="521 621 1110 785">iii. Memastikan tiada perkumpulan dibenarkan selesai solat Jumaat sama ada di dalam atau di luar Masjid dan Surau Diri Jumaat. <li data-bbox="521 833 1110 1087">iv. Hendaklah membuat rondaan dan pemeriksaan di dalam, di luar dan sekitar perkarangan Masjid dan Surau Diri Jumaat untuk memastikan tiada jemaah yang berkumpul. <li data-bbox="521 1136 1110 1299">v. Memastikan penjarakan sosial semasa di pintu dan tidak digalakkan memegang pintu atau pagar. <li data-bbox="521 1348 1110 1602">vi. Memastikan bilangan pegawai sekuriti atau Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat yang cukup bagi mengawal dan mematuhi prosedur yang ditetapkan. <li data-bbox="521 1650 1110 1770">vii. Memastikan pintu masjid dan pintu pagar dikunci segera selepas selesai solat. 	PENGURUSAN MASJID DAN SURAU DIRI JUMAAT

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
2.	SELEPAS SOLAT	<ul style="list-style-type: none"> i. Bersurai dalam keadaan tenang melalui pintu keluar yang ditetapkan sambil mematuhi penjarakan sosial. ii. Tidak bersalaman sepanjang berada di kawasan Masjid dan Surau Diri Jumaat. iii. Hendaklah terus pulang dan tidak berkumpul di luar setelah selesai solat. iv. Amalan iktikaf di masjid selepas Solat Jumaat adalah tidak dibenarkan. 	JEMAAH
3.	AZAN, IQAMAT DAN KHUTBAH	<ul style="list-style-type: none"> i. Lafaz azan kembali seperti biasa. ii. Khatib mengambil tempat sejurus setelah selesai azan pertama dan azan kedua terus dilaungkan iii. Khutbah pertama dan kedua dibacakan selama maksima 10 minit seperti yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Perak. iv. Bacaan teks khutbah dipendekkan dan diringkas sebaik mungkin dengan menjaga rukun khutbah. 	IMAM, BILAL DAN KHATIB

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
3.	AZAN, IQAMAT DAN KHUTBAH	v. Pegawai Masjid (Imam dan Bilal) hendaklah membawa sejadah sendiri.	IMAM, BILAL DAN KHATIB
4.	SOLAT, ZIKIR DAN DOA	i. Solat Jumaat dilakukan selama 7 minit mengikut kewajaran. ii. Imam hendaklah membaca surah atau ayat yang pendek. iii. Bacaan zikir dan doa (maksima 3 minit).	IMAM
5.	TABUNG MASJID	i. Penggunaan tabung masjid bergerak di dalam masjid adalah tidak dibenarkan. ii. Bagi jemaah yang ingin menderma hendaklah menggunakan tabung derma yang ditentukan oleh pihak masjid.	PENGURUSAN MASJID DAN SURAU DIRI JUMAAT & JEMAAH
6.	NYAH KUMAN	Masjid dikehendaki melaksanakan aktiviti nyahkuman sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sebulan.	PENGURUSAN MASJID DAN SURAU DIRI JUMAAT

6. PENUTUP

Garis panduan ini hendaklah dipatuhi oleh semua masyarakat sama ada Jawatankuasa Kariah, Pegawai Masjid dan Jemaah Masjid. Sebarang pelanggaran terhadap arahan dan tatacara ini akan dikenakan tindakan sewajarnya.

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

16 Jun 2020